Buku ini berasal dari sebuah manuskrip yang tersimpan di Pusat Manuskrip Negara dan siap dirumikan pada 15 April 2022 Mansukrip ini sangat misteri kerana pada akhir tamat penulisannya di tulis tarikh 1202 Hijrah (1787 Masihi) namun kisah-kisah yang dipaparkan pula berakhir pada tahun 1947. Ini bermakna manuskrip ini di salin semula dan di buat penambahan cerita tanpa mengubah penulisan asal. Karya ini berbeza dengan teks berkaitan sejarah Patani yang lain seperti Tawarikh Raja Kota, Hikayat Patani dan Sejarah Patani yang pernah diterbitkan oleh pelbagai pihak satu masa dulu kerana penceritaan di dalam buku ini tidak khusus kepada sesuatu topik tetapi menceritakan secara umum keseluruhan peristiwa yang berlaku kepada negeri Patani. Terdapat pelbagai peristiwa penting khususnya usaha-usaha Raja Siam dalam menakluki Patani sejak zaman-berzaman yang akhirnya menyebabkan Patani ditakluki pada tahun 1787. Begitu juga usaha-usaha yang di buat oleh rakyat Patani dalam percubaan mereka memerdekakan negeri Patani dari cengkaman Siam tanpa putus asa. Semoga buku ini menjadi satu bahan rujuk yang penting dalam memahami perjuangan berdarah rakyat Patani yang berlanjutan sehingga kini. Merdekalah Patani!
http://www.marymartin.com/web?pid=842281
--------------------------------------------------------------------------------
Hikayat Merong Mahawangsa / James Low (Translator) Johan Ahmad
Pulau Pinang: Geroda Merah Press, 2022
xiii, 213p.
9789672675013
$ 35.00 / PB
272gm.

Hikayat Merong Mahawangsa merupakan salah satu karya agung Melayu yang telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak sejak beberapa tahun kebelakangan ini namun begitu minat untuk mengkaji sejauh mana kebenaran yang terdapat di dalamnya masih lagi tidak begitu menarik minat masyarakat di Malaysia khasnya orang-orang Kedah sendiri. Hikayat ini mempunyai daya tarikannya tersendiri kerana ia sering dianggap tidak relevan dengan realiti oleh pengkaji Barat, malah pengkaji terkemudian seperti Winstedt dengan keras menolak hikayat ini usai beliau sendiri tidak faham cara kiasan orang-orang Melayu. Dalam masa yang sama pengkaji-pengkaji terkemudian sering terjebak di dalam mencari nama-nama tempat dan maksud penceritaan yang cuba digambarkan oleh penulis hikayat ini. Namun begitu dalam mengkaji perihal jalan cerita ini tidak ramai yang cuba untuk cuba membuat perbandingan teks di antara naskah James Low yang diterbitkan pada dan Siti Hawa Salleh pada tahun 1966.
Buku ini merupakan terjemahan dari The Kedah Annals yang diusahakan oleh James Low. Teks ini mempunyai banyak perbezaan di antara naskah-naskah yang

terkemudian. Walau pun begitu lokasi-lokasi penting yang terdapat di dalam catatan ini begitu penting untuk dijejaki dan di kaji semula.
http://www.marymartin.com/web?pid=842282
--------------------------------------------------------------------------------
Falsafah Sejarah Syed Muhammad Naquib al-Attas: Analisis Teks Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu / Noratiqah Ahmad Kazmar & Azmul Fahimi Kamaruzaman
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2020
86p.
9789672429715

1. History – Philosophy.
2. Al-Attas, Syed Muhammad Naquib.
3. Historiography.

$ 10.00 / PB
136gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=805501
--------------------------------------------------------------------------------
Suruhanjaya Perdamaian Larut (1874-1879) / Nor Hisham Bin Zulkiflee
Pulau Pinang: Geroda Merah Press, 2022
xiii, 149p.
Includes Index; Bibliography
9789672673187
$ 22.50/ PB
198gm.

Kajian ini membincangkan sejarah, kesan dan pembentukan Suruhanjaya Perdamaian Larut kepada Negeri Perak. Ia membincangkan faktor dan kesan setempat di daerah Larut daripada penubuhan suruhanjaya pertama di Negeri-negeri Melayu ini dari tahun 1874 hingga 1879. Definisi suruhanjaya ialah satu unit pentadbiran yang berbentuk sementara untuk mengkaji sesuatu perkara atau masalah dan membuat perakuan-perakuan kepada kerajaan bagi menyelesaikannya. Ruang lingkup kajian ini akan berkisar kepada pembentukan suruhanjaya British ini dan impaknya terhadap perkembangan daerah Larut dari tahun 1874 hingga 1879, Sejarah adalah satu rentetan peristiwa yang lampau. Oleh itu, perbincangan ini dimulakan dengan pertelingkahan dan perebutan kongsi-kongsi gelap Cina di Larut bagi memudahkan kefahaman terhadap apa yang berlaku seterusnya selepas tahun 1874. Seterusnya perbincangan ini turut meliputi Perjanjian Pangkor yang cuba menamatkan anarki yang berlangsung di Larut tersebut. Perjanjian itu kemudiannya telah mencetuskan asas kepada pembentukan Suruhanjaya Perdamaian Larut, suruhanjaya pertama British di Negeri-negeri Melayu bagi memastikan keberhasilan perdamaian yang dicapai di Larut. Hasil kajian telah mendapati percubaan awal intervasi pihak British ini telah berjaya dan meninggalkan beberapa kesan ketara dalam sosio-politik di Larut. Sebahagian besarnya daripada pembentukan suruhanjaya ini memberikan impak

yang positif dan juga terdapat sedikit implikasi negatif dalam perkembangan daerah Larut akan ditelitikan dalam kajian ini.
http://www.marymartin.com/web?pid=842476
--------------------------------------------------------------------------------
Lanun Pulau Pinang Atau Pelayaran “Kapal Hankow Lin.”/ John Conray Hutcheson (Translator) Khairul Asraf Sha Nizamuddin
Pulau Pinang: Geroda Merah Press, 2022
vi, 58p.
9786299698258
$ 15.00 / PB
90gm.

Lanun Pulau Pinang Mengisahkan Bagaimana Kapten Kepada Hankow Lin Mengesyaki Mungkin Ada Serangan Lanun Ke Atas Kapalnya Dalam Perjalanan Pulang Dari Canton Ke England, Merancang Untuk Merosakkan Rancangan Lanun Itu. Buku Ini Mengisahkan Bagaimana Kapal Han Kow Lin Menghadapi Pelbagai Situasi Sepanjang Pelayaran Mereka Pulang Ke Britain. Di Samping Menghadapi Lanun Di Sepanjang Laluan Buku Ini Juga Mengisahkan Tentang Kelasi-Kelasi Bangsa Melayu Yang Berada Di Dalam Kapal Tersebut. Intipati Yang Menarik Tentang Buku Ini Ialah Bagaimana Mereka Berperang Dengan Lanun Tidak Jauh Dari Singapura Dan Berjaya Menewaskan Mereka.
http://www.marymartin.com/web?pid=842499
--------------------------------------------------------------------------------
Tokoh-Tokoh Pejuang Rakyat / (Eds) Syed Husin Ali, Abdul Rahman Embong & Zikri Rahman
Kuala Lumpur: Pusat Sejarah Rakyat, 2023
xviii, 334p.
Includes Index
9789672683414
$ 30.00 / PB
468gm.

Buku ini ditulis dari perspektif sejarah rakyat dan mengandungi kisah-kisah individu yang pernah menyumbang kepada perjuangan kemerdekaan tanah air serta mereka yang hidup dan berjuang selepas merdeka untuk membela kepentingan rakyat demi mengisi kemerdekaan. Walaupun buku ini menampilkan sosok tokoh secara individu, namun di sebalik setiap tokoh itu, ada arus politik dan sosial secara kolektif yang bergerak dan melontarkan sosok itu ke hadapan melalui gagasan dan penglibatan mereka. Tokoh-tokoh itu berjuang dalam zaman masing-masing dan dengan cara masing-masing. Ada di antara mereka sudah dikenali umum tetapi banyak juga kurang dikenali apalagi diketahui secara mendalam. Sebahagiannya walaupun diketahui umum, peranan dan sumbangan mereka sering diremehkan, dan tidak diakui dalam sejarah rasmi negara. Kebanyakan mereka sering diletakkan pelbagai label seperti 'kiri', 'radikal',

'pengkhianat', 'melawan arus' dan sebagainya, serta berada di pinggiran dalam naratif sejarah negara kita. Kami berharap buku ini bermanfaat kepada pembaca pelbagai lapisan sebagai bacaan umum untuk menambah pengetahuan mengenai sejarah dan secara khusus ia digunakan oleh para pelajar dan peminat sejarah sebagai bahan rujukan dalam kajian masing-masing mengenai sejarah tanah air.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850910**
--------------------------------------------------------------------------------
Wanita dan Kesihatan Era Kolonial / (Eds) Azlizan Mat Enh & Zubaidah VP Hamzah
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2022
276p.
Includes Index
9789672518402

1. Women – Health and hygiene.
2. Public health.

$ 30.00 / PB
404gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850911**
--------------------------------------------------------------------------------
Lu Po-Yeh: Daripada Etnik Kepada Bangsa / Ng Wee Nee
Petaling Jaya: SIRD-Strategic Information and Research Development Centre, 2023
xvi, 172p.
9789672464938
$ 19.00 / PB
296gm.

Buku ini ialah pemerihalan dan analisis terhadap identiti Lu Po-yeh, seorang sasterawan Mahua. Lu Po-yeh, sebagai generasi kedua keturunan Cina di Malaya, telah menghadapi proses penyesuaian dan perubahan dalam perjalanan mencari identiti budaya dan nasionalnya. Dalam penerokaan pembentukan identiti budaya dan nasional beliau, dapat juga diketahui dan difahami proses perubahan pendirian identiti kebanyakan orang Cina di Malaya pada zaman 1950-an—sebelum dan selepas Merdeka—yang berlatarbelakangkan pergolakan sejarah dan komposisi masyarakat pelbagai etnik. Dengan pengalaman hidup Lu Po-yeh dan berikutan perkembangan sejarah, identiti nasional Lu Po-yeh telah berubah daripada kabur, iaitu identiti 'China' (maya) pada peringkat awal, menjadi jelas, iaitu identiti 'Malaya' (nyata). Oleh itu, beliau bergiat aktif dalam pembinaan negara bangsa Malaya dan memupuk orang Cina mempelajari bahasa Melayu dan memahami budaya tempatan, serta berusaha mendirikan jambatan bahasa dan budaya antara komuniti orang Cina dan orang Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850912**
--------------------------------------------------------------------------------
Ketokohan dan Sumbangan Pemikir Islam Alam Melayu / (Eds) Makor Tumin, Abu Hanifah Haris & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2023

xiv, 224p.
Includes Index
9789674882679
$ 30.00 / PB
348gm.

Buku ini mengemukakan perbincangan tentang ketokohan dan sumbangan lapan orang pemikir dan aktivis dalam Dunia Melayu. Pemilihan tokoh-tokoh berkenaan adalah didasarkan kepada tema kepelbagaian idea dan pendekatan gerakan dan pendidikan Islam yang dicakupi melalui sumbangan tokoh-tokoh berkenaan. Kelapan-lapan tokoh berkenaan serta idea-ideanya adalah Sheikh Abdul Rauf al-Fansuri dari Aceh dengan peranannya mengharmonikan tasawuf dengan syariah; Kiai Haji Sholeh Darat tokoh besar di Tanah Jawa yang mengedepankan nilai-nilai tasawuf; Sheikh Junid Tola yang peranannya di Perak dalam menghidupkan amalan wakaf; Zainon Sulaiman atau Ibu Zain yang terkenal dalam memperjuangkan kemajuan pendidikan wanita Melayu; Sheikh Muhammad Yasin al-Fadani seorang tokoh Ilmu Hadis yang terkemuka; Abdulfatah Haron Ibrahim pula tokoh penting dalam institusi rasmi berkaitan hal ehwal agama Islam; Haji Mohd Baqi Othman yang aktif dengan kegiatan dakwah di Pahang; dan Auni Abdullah yang dihormati atas gagasannya memperkasa atau mendayai tamadun Islam Alam Melayu
Daripada perbincangan bab-bab dalam buku ini, adalah diharapkan bahawa pembaca akan dapat memahami adanya kepelbagaian metode dan pendekatan dalam mendidik dan mengetengahkan pandangan dan pegangan agama ke dalam masyarakat. Wajar dicatatkan juga bahawa terdapat ramai ulama Alam Melayu yang ketokohan dan sumbangannya tidak diarusperdanakan dan tidak hanya milik kumpulan pengikut, pelajar atau komunitinya sahaja.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850913**
--------------------------------------------------------------------------------
15 Tokoh Pejuang Kemerdekaan dari Perak / (Eds) Ishak saat & Nazirah Lee
Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI Press), 2022
xii, 292p.
Includes Index
9789670050614

1. Perak (Malaysia) – History.
2. Nationalists – Malaysia – Perak.
3. Heroes – Malaysia – Perak.

$ 20.00 / PB
464gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850914**
--------------------------------------------------------------------------------
Merungkai Sejarah Pagoh – “Pagoh: Bumi Berdaulat Warisan Leluhur” / Azman Ab. Rahim@Ibrahim (Eds) Muhammad Syarifuddin Md. Sukor & Nor Habsah Kasdi
Johor: Nazima Shima Enterprise, 2021

200p.
9789671416334
$ 25.00 / HB
424gm.

Buku ini merupakan satu daripada sumber penting berkaitan sejarah Pagoh pada masa kini dan akan datang. Usaha gigih menghasilkan buku ini amat dihargai dan perlu dibanggakan dalam dunia pensejarahan tanah air yang masih sepi dari penulisan baru.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850915**
--------------------------------------------------------------------------------
Menelusuri Sejarah Muar / Azman Ab. Rahim@Ibrahim (Ed) Mohamad Suhaizi Suhaimi
Johor: Nazima Shima Enterprise, 2023
332p.
9789671416358
$ 27.50 / PB
430gm.

Buku ini merupakan hasil kajian penulis yang fokus pada sejarah Muar sejak abad ke-15 hingga abad ke-21. Ianya merangkumi permulaan awal nama Muar dan sejarah latar belakang Muar itu sendiri. Muar merupakan sebuah daerah di negeri Johor serta bersempadanan dengan negeri Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan. Perkembangan awal Nusantara menyaksikan nama Muar muncul lebih dahulu dari pembukaan Melaka. Pada tahun 1361, seorang pendeta istana Majapahit bernama Prapanaka telah menyenaraikan Muar sebagai salah satu dari tanah jajahan Majapahit semasa pemerintahan Hayamwuruk. Seperti yang diketahui umum, Muar merupakan sebuah daerah yang begitu unik dan menarik kerana Muar itu sendiri merupakan sebuah tempat yang tertua dan dahulunya disebut sebagai Negeri Muar. Diharapkan dengan penghasilan buku ini, para pembaca dapat memahami sejarah Muar dengan lebih luas dan jelas, serta dijadikan salah satu sumber ilmiah, rujukan dan tatapan kepada generasi hari ini dan akan datang.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850916**
--------------------------------------------------------------------------------
Puteri Saadong: Emansipasi Wanita / Azlina Musa & Mohd Nasir Hashim
Terengganu: Penerbit UMT, 2020
x, 96p.
Includes Index
9789672939221
1. Legends – Malaysia – Kelantan.
2. Tales – Malaysia – Kelantan.
3. Historical fiction, Malay.

$ 12.50 / PB
240gm.

http://www.marymartin.com/web?pid=850917
--------------------------------------------------------------------------------
Melayu Mahawangsa: Tanah Air, Sejarah, Kerajaan dan Peradabannya / (Eds) Md Salleh Yaapar & Nasha Rodziadi Khaw
Penang: Penerbit USM, 2023
xvi,148p.
97896 74616946
1. Malays (Asian people) – History.
2. Sultanate – History.
3. Malays (Asia people) – Civilization.

$ 17.50 / PB
290gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=850918
--------------------------------------------------------------------------------
Tun Saban – Pengasas Hulu Perak: Persejarahan dan Kelestarian Warisan / Jelani Harun (Ed) Nik Nurolaini Nik Mohd Isa
Penang: Penerbit USM, 2022
xxii, 194p.
Includes Index
9789674616830
1. Tun Saban.
2. Perak (Malaysia) – History.
3. Historic sites – Malaysia – Perak.

$ 25.00 / PB
342gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=839556
--------------------------------------------------------------------------------
Kedaulatan Malaysia: Governan Utama Negara / Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain
Bangi, Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd., 2022
500p.
Includes Index; Bibliography
9789675473548
1. Malaysia – Politics and government.
2. Sovereignty,
3. Constitutions – Malaysia.
4. Malaysia – History,

$ 90.00 / HB
828gm.

Hasil daripada penyelidikan, penulisan, tafsiran dan hujahan Datuk Profesor Madya Wan Ahmad Fauzi Bin Wan Husain jelas membuktikan beliau merupakan seorang juris (jurist) yang setaraf dengan sarjana terkemuka dunia. Beliau berjaya mengasaskan dan mengdokumenkan persuratan seminal mengenai "Watanic

School of Legal Thought" berorientasikan jursiprudens watan (customary local circumstances).
Tesis PhD diikuti dengan penyelidikan dan penulisan lanjut yang menghasilkan karya asli selepas itu membuktikan kewibawaan Prof. Dr. Wan Ahmad Fauzi dalam bidang jurisprudens dan sistem perlembagaan. Kaedah tafsiran undang-undang beliau kini secara tidak langusung diiktirafkan oleh Mahkamah Persekutuan melalui kes Indira Gandhi [2018]. Beliau telah membina semula (reframe) jurisprudens Perlembagaan Persekutuan melalui rangka kerja rintis bersifat tempatan tanah air: petakrifan semula teori Perlembagaan melalui paradigma adat Melayu dan prerogative diRaja berlandaskan prinsip patuh syariah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850919**
--------------------------------------------------------------------------------
Dari Melaka Ke Cotabato: Perang Melaka – Portugis 1511 / Rafe Rahmat
Subang Jaya: Rafely Rahmat (Self-Published), 2020
328p.
9789671815632
$ 24.00 / PB
426gm.

Naskhah ini mengulas Perang Melaka - Portugis 1511 tanpa bias dan mencatatkan kelemahan kedua-dua pihak.
"Kehebatan gajah-gajah perang Asia dijinakkan oleh lembing "pike" dan gagal memecahkan formasi taktikal "pike square" soldadu Portugis. Inilah kali pertama taktikal Barat ini bertembung dengan taktikal perang orang Timur. Kita lihat bagaimana Portugis menganalisa titik lemah pertahanan Kesultanan Melaka dan menawan satu persatu dengan strategi "defeat in detail" yang memanfaatkan ketumbukan soldadu yang kecil berhadapan angkatan perang Melaka yang jauh lebih besar. Ketiadaan armada Melaka menghalang kita menyaksikan pertempuran laut yang sengit di laut. Tetapi ke manakah armada laut kesultanan Melaka itu?
"Angkatan perang Melaka tidak lemah, malah menurut catatan Portugis mereka sangat berani dan berjuang bermati-matian. Tetapi peperangan boleh dimenangi oleh pasukan yang lebih kecil jika tahu mengeksploitasi kelemahan musuh serta menggunakan taktik dan strategi yang bersesuaian."
**http://www.marymartin.com/web?pid=850920**
--------------------------------------------------------------------------------
Katemeneh Komunis / (Ed) Jamal Rizal Razali & Imaduddin Abidin
Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2020 (3rd Print 2022)
xx, 288p.
Includes Index
9789672226871
1. Communists – Malaysia – History.
2. Communism – Malaysia.

$ 19.00 / PB
462gm.

http://www.marymartin.com/web?pid=850921
--------------------------------------------------------------------------------
Jejak Tiga Dekad Belia Melaka, 1950-an Hingga 1970-an / Mohd Ali Mohd Rustam & Ruziah Ali (Ed) Abdul Karim A Bakar
Melaka: Penerbit UTeM Press, 2022
xii, 164p.
Includes Index; Bibliography
9789672792277
1. Youth – Malaysia – Melaka – 1950-1970.
2. Youth – Societies and clubs – History – 1950-1970.
3. Youth – Social aspects – Malaysia – Melaka.
4. Youth Development – Malaysia – Melaka.

$ 17.50 / PB
318gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=850922
--------------------------------------------------------------------------------
Tamadun Dalam Pelbagai Dimensi / Burhanuddin Jalal
Kuala Lumpur: Penerbit UPNM, 2021
xx, 192p.
Includes Index
9789672414537
1. Civilization.
2. Islamic civilization.

$ 22.50 / PB
318gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=850923
--------------------------------------------------------------------------------
Insurgensi – Perang Gerila: Malaya – Indonesia – Sri Lanka / Rafe Rahmat
Subang Jaya: Rafely Rahmat (Self-Published), 2020
320p.
9789671815625
$ 27.50 / HB
498gm.

Penglibatan Amerika Syarikat melawan insurgensi di Afghanistan telah memakan masa hampir 19 tahun. Sehingga kini masih banyak yang perlu mereka lakukan di Afghanistan, termasuklah menggunakan pasukan polis dalam menentang insurgensi, sebagaimana yang dilakukan oleh British di Malaya enam dekad yang lalu. Menurut angka yang diumumkan oleh Jabatan Pertahanan (US Department of Defense) kos terkumpul yang telah dibelanjakan di Afghanistan sepanjang 2001 hingga 2019 adalah sebanyak US$ 778 billion (RM 3.16 trillion). Amerika Syarikat sememangnya sering kecewa apabila apabila berhadapan dengan konflik yang panjang, iaitu ‘long war’ menurut definasi mereka. Setelah menjatuhkan rejim Saddam Hussein di Iraq pada tahun 2003, mereka juga tidak menjangka akan terlibat dalam peperangan melawan insurgensi yang panjang sehingga memaksa

Jabatan Pertahanan melakukan pembaharuan dalam merangka strategi yang bersesuaian untuk berperang dengan organisasi insurgen ataupun ‘non-state actor’. Lt Kol John Nagl, Tentera Darat AS adalah antara orang yang bertanggungjawab menulis semula buku panduan melawan insurgensi untuk kegunaan pasukan Tentera Darat dan Kor Marin, Amerika Syarikat. John Nagl selain banyak merujuk kepada pakar-pakar teori perang gerila seperti David Galula, Mao Zedong dan Sir Robert Thompson, beliau sendiri telah melanjutkan pengajiannya di peringkat DPhil di Universiti Oxford, UK telah melakukan kajian perbandingan memerangi insurgensi di Malaya dan Vietnam. Mengapakah ‘Darurat’ di Malaya sering dijadikan bahan kajian melawan insurgensi? Sedangkan terdapat beberapa kejayaan organisasi insurgen berjaya ditumpaskan oleh negara-negara lain, seperti ‘Pemberontakan Huk’ di Filipina pada tahun 1953? British semasa menangani ‘Darurat’ telah menggunakan strategi tindakan bersepadu antara pasukan keselamatan dan lain-lain agensi awam kerajaan, seperti mana yang disebut oleh Jen Sir Gerald Templer “pertempuran hanya merupakan 25% sahaja dalam memerangi komunis. Selebihnya 75% adalah menyakinkan rakyat untuk berdiri dibelakang (menyokong) kerajaan”. Kaedah ini amatlah berbeza dengan pendekatan menghukum ‘punitive’ ataupun penggunan kekerasan dan kuasa tembakan ke atas insurgen-insurgen. Buku ini membincangkan pendekatan atau kaedah-kaedah yang telah digunakan untuk memerangi insurgen dalam konflik ‘long war’ di Malaya (12 tahun), Rhodesia (15 tahun) dan Sri Lanka (26 tahun). Kita akan melihat apakah strategi yang telah digunapakai di Malaya masih relevan untuk digunakan di Rhodesia (1965-79) dan Sri Lanka (1983-2009) dan apakah persamaan dan perbezaan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ketiga-tiga negara tersebut.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850924**

---------------------------------------------------------------------------------

Senjata Api Alam Melayu / Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2020
xxviii, 324p.
Includes Index; Bibliography
9789834928261

1. Firearms.
2. Weapons.
3. Manuscripts, Malay.

$ 20.00 / PB
386gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850925**

---------------------------------------------------------------------------------

Gambus: Sejarah, Instrumentasi dan Gaya Permainan di Johor / Mohd Nizam Attan
Second Edition
Kuala Lumpur: JKKN-Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2021
xi, 236p.

9789675552830

1. Gambus.
2. Musical instruments – History – Malaysia – Johor.
3. Folk music - History – Malaysia – Johor.
4. Musical instruments - History – Malaysia – Johor.

$ 20.00 / PB
416gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850926**
--------------------------------------------------------------------------------
Dato' Bahaman: Sejarah Perjuangan Dan Adakah Dia Tok Guru Peramu / Ezeri
Pahang: Penerbit Network Resources, 2023
vi, 134p.
9789671030714
$ 19.00 / PB
184gm.

Pada tahun 1970, telah muncul seorang tua misteri digelar Tok Guru Peramu di Kuantan. Pahlawan Mat Kilau kerap bertemu dengan Tok Guru Peramu sebelum Mat Kilau mengisytiharkan diri, sehingga orang ramai mulai syak, Tok Guru Peramu itu ialah Dato' Bahaman. Namun Tok Guru Peramu enggan mengaku dirinya siapa secara rasmi, tetapi kerap memberi bayangan seolah-olah dia ialah Dato' Bahaman, ketua angkatan Bahaman yang terlibat menentang Inggeris pada abad ke-19 yang lalu. Namun, adakah benar Tok Guru Peramu itu ialah Dato' Bahaman? — buku ini mempunyai jawapannya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850927**
--------------------------------------------------------------------------------
Agama, Bangsa Dan Tanah Air: Sejarah dan Peranan Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah (1924-1970-an) / Nasirrahman Hj Saad Khiruddin (Ed) Abdul Aziz Zuber
Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2022
xxii, 300p.
Includes Index
9789672422358

1. Abdullah Fahim, Sheikh, approximately 1869-1961.
2. Madrasah Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyyah – 1924-1970 – History.
3. Religious institutions – Malaysia – Seberang Perai (Pulau Pinang).
4. Madrasahs – Malaysia - Seberang Perai (Pulau Pinang).
5. Islamic religious education.
6. Seberang Perai (Pulau Pinang, Malaysia) – History.

$ 27.50 / PB
500gm.

Daripada galuran sejarah, Madrasah Dā'irat al-Ma'ārif al-Waṭaniyyah (DMW) ialah pelopor kepada pemodenan pendidikan Islam tanah air yang sebelum itu terbatas kepada pengajian di rumah tuan guru, surau, masjid dan pondok.
Benih-benih penubuhan Madrasah DMW bermula apabila Shaykh 'Abdu'Llāh Fahim mengambil keputusan untuk pulang ke Kepala Batas dari kota Makkah pada tahun 1915M dan memulakan pengajian agama secara 'umūmī di masjid dan di rumahnya sendiri sehinggalah mendapat sambutan daripada masharakat setempat.
Buku ini mempersembahkan dapatan mendalam terhadap penubuhan, peranan dan sejarah Madrasah DMW sejak ditubuhkan oleh Shaykh Abdu'Llāh Fāhīm sehingga pengambilalihan oleh kerajaan sekitar 1970-an.
Penulis dalam kajiannya pada 1982 berjaya menemubual anak-anak murid Shaykh Abdu'Llāh Fāhīm dan kakitangan Madrasah DMW yang masih hidup ketika itu bagi berkongsi pengalaman, kejayaan, kegemilangan dan jatuh bangun Madrasah DMW yang menjadi saksi kepada pelbagai peristiwa bersejarah siyasah dan agama sehingga menjadi tempat perhimpunan dan
pertemuan tokoh-tokoh 'ilmuwan, politik dan masharakat.
Buku ini menghidangkan catatan sejarah dan gambar berharga bagaimana sebuah institusi pendidikan memberi sumbangan besar terhadap agama, bangsa dan tanah air.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850928**
--------------------------------------------------------------------------------
Kristianiti di Tanah Melayu – Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran Dakwah Islamiah / W. Mohd Azam Mohd Amin, Ungaran@Rashid & Masitoh Ahmad
Kuala Lumpur: Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 2022
xiv, 330p.
Includes Index
9789671981221
1. Islam – Missions – Malaysia.
2. Christianity – Malaysia.
3. Evangelicalism – Malaysia.

$ 15.00 / PB
440gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=806495
--------------------------------------------------------------------------------
Warkah Diplomatik Melayu / Salmah Jan Noor Muhammad
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM), 2022
xviii, 126p.
Includes Index ; Bibliography
9789670035147
1. Diplomatic documents.
2. International correspondence.
3. Diplomatics.

$ 30.00 / PB
248gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=839553
--------------------------------------------------------------------------------
Pemikiran dan Tamadun / Muhammad Zainiy Uthman
Malaysia: Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (Al-Asar) & RZS-CASIS, 2022
xx, 284p.
9789832456445
1. Civilization.
2. Islamic civilization.
3. Thought and thinking – Religious aspects – Islam.

$ 144.00 / HB
666gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850929**
--------------------------------------------------------------------------------
Pahang Dalam Catatan Kolonial / Ahmad Farid Abd Jalal & Yusuf Adam Broughton
Pahang: Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (Al-Asar), 2022
l, 498p. ; Maps
Includes Index; Bibliography
9789832456469
1. Pahang (Malaysia) – History.
2. Colonial administrators – Malaysia – Malaya – Pahang.
3. Pahang (Malaysia) – Social aspects.

$ 150.00 / HB
962gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850930**
--------------------------------------------------------------------------------
Tradisi Ke'ilmuan Bahasa Jawi / Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias
Pahang: Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (Al-Asar), 2022
xxvi, 314p.
Includes Index
9789832456483
1. Jawi alphabet – History.
2. Malay language – Writing.
3. Malay language – History and criticism.

$ 75.00 / HB
764gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850931**
--------------------------------------------------------------------------------
Sejarah Adat Perpatih Seri Menanti / Mohd Rosli Saludin & Ahmad Bazri Mokhtar
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2022
590p.
Includes Index
9789672518761

1. Adat law – Malaysia – Negeri Sembilan.
2. Malays (Asian people) – Social life and customs – Malaysia – Negeri Sembian.
3. Negeri Sembilan (Malaysia) – Kings and rulers

$ 35.00 / PB
854gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=850932
--------------------------------------------------------------------------------
Laksamana Raja Mahkota Muhammad Amin dan Orang Kaya Arsyad: Perjuangan Yang Belum Selesai / Radzi Sapiee@Merah Silu
Rawang, Selangor: Wasilah Merah Silu Enterprise, 2023
574p.
9789671064146
$ 50.00 / PB
794gm.

Buku yang mengupas cerita perjalanan hidup Laksamana Muhammad Amin sebagai salah seorang yang menandatangani Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Beliau yang dikatakan terlibat dalam pembunuhan Residen pertama British ke Perak iaitu JWW Birch pada 2 November 1875 lalu dibuang ke Pulau Seychelles bersama Sultan Abdullah (Sultan ke-26 Perak) dan ada beberapa tokoh lagi yang bersama mereka.
http://www.marymartin.com/web?pid=850933
--------------------------------------------------------------------------------
Silat Seni Gayong: Falsafah dan Perjuangan / Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain
Bangi, Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd, 2021
xxx, 266p.
Includes Index
9789675473500
1. Silat Seni Gayong.
2. Pencak silat – Malaysia.
3. Self-defense – Malaysia.

$ 17.50 / PB
442gm.

Buku ini bertujuan untuk menyampaikan kefahaman tentang sejarah dan falsafah Silat Seni Gayong.
http://www.marymartin.com/web?pid=850934
--------------------------------------------------------------------------------
Intersectionality Dan Naratif Politik Wanita Cina Di Semenanjung Malaysia / Nurul Asmaa Ramli & Kartini Aboo
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2023
310p.
Includes Index
9789672519881

$ 25.00 / PB
454gm.

Pada awal abad ke-19, kebanyakan imigran wanita Cina yang dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah comfort women, fenomena ini berubah setelah dasar kerajaan Inggeris membenarkan buruh wanita Cina membawa bersama anggota keluarga untuk menetap di Tanah Melayu. Dengan populasi migran Cina yang semakin meningkat, proses urbanisasi dan modernisasi mendorong wanita Cina peka dengan penglibatan dalam persatuan dan politik. Sebelum merdeka, budaya politik wanita Cina di Tanah Melayu adalah berkiblatkan ideologi Tanah Besar Cina. Ini dapat dilihat antaranya melalui penglibatan aktif imigran wanita Cina dalam Parti Komunis Malaya (PKM). Hakikatnya, naratif budaya politik wanita Cina di Malaysia sangat dinamik, iaitu berubah mengikut masa dan keadaan. Buku ini membincangkan budaya politik wanita Cina di Semenanjung Malaysia dengan mengupas proses sosialisasi serta cabaran politik melalui kerangka teori Intersectionality yang menuntut faktor multidimensional yang saling berkait dan bertindan dihujah secara sederap dalam memahami evolusi dan penglibatan wanita Cina dalam politik yang sering kali dilihat pasif.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850935**
--------------------------------------------------------------------------------
Mereka Dari Tel-Aviv: Kompilasi Operasi Sulit Mossad / Rafe Rahmat
Subang Jaya: Rafely Rahmat (Self-Published), 2020
192p.
9789671815601
$ 16.50 / PB
260gm.

"MEREKA DARI TEL-AVIV merupakan kompilasi kisah-kisah benar operasi perisikon Israel diluar negara Israel yang dilaksanakan bagi melemahkan keupayaan musuh-musuhnya dan pada masa yang sama melindungi kepentingan mereka, Operasi ini termasuklah mencuri maklumat seperti lukisan kejuruteraan di Switzerland sehingga Israel boleh menghasilkan jet pejuang sendiri yang dinamakan IAI Nesher, memusnahkan keupayaan musuh dengan mengebom loji nuklear Iraq (Ops Opera), melarikan jet pejuang tercanggih era 1970-80an iaitu MiG-21 dari Iraq (Ops Diamond), membunuh jurutera yang bertanggungjawab membangunkan projek supergun' Iraq, menyelamatkan kaum Beta Israel atau Falasha (Yahudi kulit hitam Habshah) melalui pusat peranginan di pesisir Laut Merah, menggagalkan rencana ran menghasilkan bom nuklear dengan mencuri dokumen-dokumen sulit di Tehran, dan kejayaan paling gemilang ialah meletakkan perisik Eli Cohen di Damsyik sehingga beliau dapat menembusi golongan elit Syria dan hampir-hampir dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan Syria. Program "targeted killing" juga menyaksikan pembunuhan pemimpin Hamas dan Hizbullah terutama mereka yang terlibat

dalam penghasilan bom dan roket bagi membendung kegiatan pengebom-pengebom berani mati.
Buku ini bukan sahaja memaparkan kejayaan mereka, tetapi juga kegagalan mereka terutama pada Perang Oktober/Perang Ramadan/Perang Yom Kippur 1973 apabila Israel terpedaya dengan muslihat dari Mesir dan Syria yang berjaya membuktikan Israel bukanlah satu kuasa ketenteraan yang kebal. Hari ini kita meneliti bagaimana Mossad beroperasi dan kemanakan arah atau matlamat mereka setelah tiada lagi ancaman dari jiran-jiran sekeliling mereka.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850936**
------------------------------------------------------------------------------------
Nasihat Bagi Segala Raja-Raja: Tuan Haji Muhammad Tayyib bin Mas'ud Al -Banjari / (Research & Ed) Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Kuala Lumpur: Akademik Jawi Malaysia, 2022
xii, 252p.
9789672422365

1. 1. Manuscripts, Malay.
2. 2. Manuscripts, Malay – History and criticism.
3. 3. Constitutions.
4. 4. Kedah (Malaysia) – Politics and government – 19th century.
5. 5. Kedah (Malaysia) – Kings and rulers – 19th century.

$ 22.50/ PB
414gm.

Buku Nasihat Bagi Segala Raja-Raja atau judul asalnya, Īqāẓ al-Ghāfilīn wa naṣīhatu al-Salāṭīn (Penjaga bagi Segala yang Lalai dan Naṣīḥat bagi Segala Raja-raja) menampilkan himpunan nasihat dan peringatan tentang hal ehwal pentadbiran kerajaan dari sudut ketatanegaraan yang dikarang oleh Tuan Ḥāji Muḥammad Ṭayyib bin Mas'ūd al-Banjarī, seorang 'ulama' negeri Kedah, mufti, penasihat sultan dan guru yang mashhur pada abad ke-19 Masihi.
http://www.marymartin.com/web?pid=835662
------------------------------------------------------------------------------------
Sejenak Ke Tanah Melayu / Philip C. Coote (Translator) Mohd Shafrizal bin Azmi
Pulau Pinang: Geroda Merah Press, 2017 (2nd Print 2022)
vii, 95p.
9786299698227
$ 12.50 / PB
132gm.

'Sejenak Ke Tanah Melayu' berkisar tentang Tanah Melayu secara keseluruhannya, baik dari segi geografi, politik, sejarah, sosial, flora dan fauna serta tradisi masyarakatnya. Ini termasuklah sedikit pencerahan tentang penduduk asal Tanah Melayu seperti Orang Asli dan masyarakat Melayu, selain bangsa-bangsa imigran asing yang menumpang tuah di bumi Melayu dan akhirnya mencorakkan suasana kehidupan di sini. Segala komunikasi dan interaksi antara bangsa Asia dan bangsa

Eropah juga diceritakan dengan jelas dan ia menggambarkan betapa kedua-dua peradaban ini mampu berinteraksi dengan baik tanpa mengira sebarang perbezaan fahaman, agama dan budaya..'
**http://www.marymartin.com/web?pid=850937**
--------------------------------------------------------------------------------
Jangan Selewengkan Sejarah Melayu II / Helmi Effendy (et al.) (Ed) Zahidah Zabri
Kuala Lumpur: Patriots Publishing Sdn. Bhd., 2022
194p.
9789672437543
$ 17.50 / PB
210gm.

Sejarah bukan untuk dijadikan bahan propaganda. Sejarah bukan untuk dijadikan bahan penyelewengan. Sejarah untuk kita kenal siapa diri kita, selongkar erti jati diri dan jadikan peristiwa silam sebagai inspirasi kejayaan kita pada hari ini. Justeru, demi menyambung legasi buku pertama JANGAN SELEWENGKAN SEJARAH MELAYU, buku kedua kali ini tampil lebih garang, lebih kemas hujahnya, juga lebih tegas. Kompilasi esei yang dikarang kali ini akan menambahkan lagi pengetahuan kita tentang rahsia-rahsia tamadun Melayu, di samping mempertahankan ia daripada menjadi mangsa pihak tidak bertanggungjawab.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850938**
--------------------------------------------------------------------------------
Rebel Playlist: 45 Lirik Lagu Memberontak Hasil Ciptaan Nasir Jani / Nasir Jani
Negeri Sembilan: Rabak-Lit-Rabak Literature Publications, 2023
xviii, 226p.
9786299825401
$ 17.50 / PB
222gm.

Nasir Jani menceritakan situasi muzik negara zaman 70an hingga 2000.
Maksud lirik ciptaannya seperti Srikandi Cintaku, Cinta Kristal dan Bazooka Penaka.
Industri muzik rock negara, industri muzik yang ditunggan oleh kerajaan untuk menutup isu rasuah dan skandal negara.
Nasir Jani menceritakan situasi muzik negara zaman 70an hingga 2000.
Maksud lirik ciptaannya seperti Srikandi Cintaku, Cinta Kristal dan Bazooka Penaka.
Industri muzik rock negara, industri muzik yang ditunggan oleh kerajaan untuk menutup isu rasuah dan skandal negara.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850939**
--------------------------------------------------------------------------------
Kitab Mistik Yassin Khidir Khandaq / Tuan Guru Shamsuddin Bin Hj Ismail
Perak: Pustaka Kala Pendita Publishing, 2022
90p.
9789671816752

$ 22.50 / PB
130gm.

Sebuah kitab membicarakan mengenai mistik, sejarah, kegunaan, faedah dan isu berkaitan keberadaan Syiling Yassin Khidir Khandaq di alam Nusantara.
Satu kupasan ilmu yang belum pernah wujud di alam penulisan. Suatu perkongsian ilmu yang sangat bermunafaat untuk pengumpul, penjual dan pembeli wang Yassin tersebut.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850940**
--------------------------------------------------------------------------------
Kitab Pusaka Hang Tuah 1957: Rujukan Kajian Bahasa, Budaya dan Ketabiban Alam Melayu / A. Muhammad Hassan Riau (Transliteration) Mohd Hariz Bin Anwar
Perak: Pustaka Buku Warisan, 2023
262p.
Malay & Arabic Languages
9789672571926
1. Healing – Religious aspects – Islam.
2. Medicine in the Qur'an.
3. Spiritual healing – Islam.
4. Alternative medicines.

$ 22.50 / PB
314gm.

Kitab Pusaka Hang Tuah 1957: Rujukan Kajian Bahasa, Budaya dan Ketabiban Alam Melayu merupakan sebuah karya alih-aksara, kepada sebuah manuskrip kitab Tib Melayu yang mempunyai jejak koleksi pengetahuannya sehingga abad ke-16. Barangkali jauh lebih awal, seiring dengan perjalanan perubahan dan perkembangan ilmu pengetahuan setelah kedatangan Islam ke Nusantara. Pengetahuan penggunaan herba di Nusantara dikatakan berusia lebih seribu tahun (Medang Mataram, abad ke 8 hingga ke 10). Menurut seorang pengarang dari Eropah pula, ia berusia lebih 2000 tahun.
Secara umum, pengetahuan tib Melayu dalam Pusaka Hang Tuah boleh dikategorikan kepada 5 jenis; ayat-ayat suci (doa, teknik dan medium dari Al Quran, hadis dan riwayat, falsafah keagamaan), teknik perubatan (perubatan Melayu tradisional, anatomi elemental, teknik dan kriteria diagnosis, prognosis), jampi dan mantera, ubatan (herba dan ramuan tradisi dalam perubatan, dosej), dan astrologi. Kesemuanya ini disusun dalam bentuk dan lenggok bahasa dari pantai timur, Terengganu, seabad ke belakang. Namun, linguistik yang menjadi asas kepada buku Pusaka Hang Tuah ini tidak banyak berubah sejak abad ke 16. Malah kami dapati ada persamaan dengan kitab Tib Melayu yang dikarang dan disusun pada abad ke 18 (kompilasi transliterasi Serat Centhini, Buku Jampi dan Kitab Tibb, POM Indonesia 2016,); juga persamaan dalam Kitab Tib – Ilmu Perubatan Melayu oleh Dr Harun Mat Piah yang merupakan kajian dan suntingan

daripada 10 naskhah manuskrip Melayu yang. terdapat di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia.
Pusaka Hang Tuah memperlihatkan saduran istilah dan perkataan pinjaman dari bahasa Arab apabila muncul teks dan perkataan dari riwayat hadis dan falsafah keagamaan digunakan sebagai sandaran mahupun sekadar ucapan selingan dan respon. Sangat mengujakan apabila melihat adunan sinteks yang terdiri dari pelbagai bahasa, menjangkaui seputar Alam Melayu, namun serasi.
http://www.marymartin.com/web?pid=850236
--------------------------------------------------------------------------------
Islam Di China: Catatan Kembara / Awang Sariyan
Kajang: Nuha Creative Resources, 2023
232p.
9789672456537
1. Islam and religions originating in it.
2. General history of Asia China.

$ 22.50 / PB
356gm.

ISLAM DI CHINA: Catatan Kembara menelusuri perkembangan dan kedudukan masyarakat Islam di sebuah negara dengan penduduk paling besar jumlahnya di dunia. Populasi China ialah 1.4 billion (2021) dan penduduk beragama Islamnya lalah sekitar 26 juta (2022). Buku ini ialah hasil tinjauan penulis ketika ditugaskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Penyandang Pertama Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) pada awal tahun 2008 hingga hujung Julai 2011.
Seperti merestui usaha penulis mendokumentasikan perihal masyarakat Islam di China, beliau sekali lagi dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam kapasiti yang sama di BFSU dari Julai 2016 hingga Mac 2018. Dalam tempoh kedua-dua penggal itu beliau melakukan tinjauan di lapangan tentang masyarakat Islam di China.
Islam di China: Catatan Kembara dihasilkan untuk memberikan pencerahan tentang masyarakat Islam di China.
"Dengan anggapan bahawa negara yang diperintah berdasarkan ideologi komunisme tidak mungkin membenarkan rakyat yang beragama Islam (dan agama lain juga) mengamalkan kehidupan berdasarkan syariat, tidak ada apa-apa yang menarik perhatian saya untuk mengetahui perihal islam di negara itu. Namun apabila saya ditugaskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai Penyandang Pertama Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) pada awal tahun 2008, anggapan saya berubah 360 darjah.
Semoga penerbitan buku ini mampu memberikan pencerahan bagaiman Islam masih subur di sebuah negara besar dan berideologi komunisme seperti di China.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850941**
--------------------------------------------------------------------------------

Asas Falsafah Negara Bangsa Malaysia Sejahtera / Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Zulayti Zakaria & Hailan Salamun
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2022 (2nd Print 2023)
408p.
Includes Index
9789675473586

1. Nationalism – Malaysia.
2. Patriotism – Malaysia.
3. Citizenship – Malaysia.
4. Constitutional law – Malaysia.

$ 90.00 / HB
700gm.

Negara bangsa ialah sebuah kerajaan atau negara yang mendokong sistem politik, perundangan, adat, nilai hidup dan budaya berevolusi daripada unsur jati diri bangsa asal yang tidak bercanggah dengan prinsip kedaulatan seperti terpasak dalam perlembagaan negaranya. Negara bangsa Malaysia sejahtera membawa hasrat untuk membina keharmonian rakyat dan kemakmuran Malaysia berteraskan asimilasi bahasa Melayu dan akomodasi elemen watan melalui kelestarian adat budaya Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Asimilasi merupakan satu proses adaptasi individu dan masyarakat kepada nilai dan amalan baharu agar sesuai dengan situasi dan budaya hidup tempatan. Proses tersebut mendorong seseorang untuk mengutamakan nilai dan amalan baharu itu mengatasi kecenderungan peribadinya supaya persekitaran yang sudah ada lebih harmonis dan melestarikan identiti budaya tempatan untuk mencerminkan nilai sejagat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850942**

--------------------------------------------------------------------------------

Pemikiran Melayu Kolot Atau Progresif? / AB Sulaiman
Ampang, Selangor: Abu Bakiar bin Haji Sulaiman (Self-Published), 2023
xii, 124p.
Includes Index
9789671542019

1. Malays (Asian people).
2. Malays (Asian people) – Social life and customs.
3. Thought and thinking.

$ 12.50 / PB
228gm.

Terdapat norma pemikiran Melayu pada amnya bertumpukan kepercayaan, moral, kebudayaan dan tradisi. Falsafah hidupnya untuk agama bangsa dan negara. Ini tidak salah. Malah sebarang kaum termasuk Melayu bebas memilih aliran pemikiranya tersendiri. Realiti dunia tidak pula terhad kepada agama, bangsa, dan negara semata-mata. Manusia mampu berkomunikasi, mempunyai memori.

Manusia sedar dunia ini teknikal, bertumpukan fakta dan bukti. Manusia zaman ini perlukan pengetahuan luas dan latihan yang cukup dalam. Realiti dunia tidak pula terhad kepada agama, bangsa, dan negara semata-mata. Manusia perlu berkomunikasi, mempunyai memori. Manusia sedar dunia ini teknikal, bertumpukan fakta dan bukti. Manusia zaman ini perlukan pengetahuan luas dan latihan yang cukup dalam segala bidang usaha manusia. Kesemua ini pula perlukan pemikiran tersendiri dan yang progresif. Mungkinkah pemikiran Melayu itu kolot, ketinggalan zaman, tidak progresif? Penulis AB Sulaiman berumur 79 tahun cuba mencari jawapan soalan, dan sekiranya sebegitu mencadangkan beberapa cara untuk mara kehadapan. Beliau berasal dari Kampung Selayang, Batu Caves, Selangor.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850943**
--------------------------------------------------------------------------------

## Law

Pendakwaan Terhadap Ahli Sihir: Realiti Atau Fantasi? / Mahyuddin Ismail
Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP), 2022 (2nd Print 2023)
xvi, 140p.
Includes Index
9789672831648
1. Islamic occultism.
2. Witchcraft.
3. Magic – Religious aspects – Islam.
4. Criminal law – Malaysia.

$ 17.50 / PB
240gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850944**
--------------------------------------------------------------------------------
Jenayah Sihir: Analisis Dari Sudut Perundangan / Mahyuddin Ismail
Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP), 2022 (2nd Print 2023)
xvi, 140p.
Includes Index
9789672831679
1. Occultism and criminal investigations.
2. Criminal law.

$ 17.50 / PB
238gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850945**
--------------------------------------------------------------------------------
Kanak-Kanak Tidak Terkawal: Dari Perspektif Perundangan / Sharifah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad & Jaz Zabdi Mohd Yusoff
Terengganu: Penerbit UniSZA, 2023
264p.
Includes Index

9789672750345

1. Children – Legal status, laws, etc.
2. Children – Social conditions.
3. Juvenile corrections.

$ 25.00 / PB
398gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=850946**
--------------------------------------------------------------------------------
Pengurusan Harta Peribadi Dan Kekeluargaan Islam di Malaysia / Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Abdul Hanis Embong & Nadhirah Nordin
Terengganu: Penerbit UniSZA, 2023
196p.
Includes Index
9789672750437
$ 27.50 / PB
298gm.

